



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/7/2011

## Bersih 2.0: Rakyat bangkit, polis bertindak

"JANGAN diusik mereka yang tidur", tulis **Tulus Budiman** dalam blog *Rontog Daily* ([www.rontogdaily.com](http://www.rontogdaily.com)) yang menyentuh tentang tindakan kelompok-kelompok tidak dikenali ke atas penganjur perhimpunan haram Bersih.

Mengulas mengenai sekelompok yang mengaku penduduk sekitar terhadap para penyokong Parti Sosialis Malaysia (GSM) yang berkhemah di luar balai polis di Kepala Batas, Pulau Pinang baru-baru ini, penulis itu berkata, ia bukti kemarahan rakyat terhadap perhimpunan haram yang dijadual pada 9 Julai ini.

"Apa yang kita khuatir ialah suara-suara senyap dan orang biasa di ceruk kampung mula bangkit untuk turut meluahkan perasaannya sebagaimana yang terjadi di Kepala Batas. Selama ini penganjur Bersih 2.0 sering mendakwa mereka mahu melakukan perhimpunan itu untuk rakyat, kerana rakyat dan demi rakyat. Mereka memberikan gambaran seolah-olah semua rakyat bersama mereka.

"Namun dalam situasi sekarang, mereka tersilap. Dalam diam sebenarnya ramai rakyat lain yang tidak merestui cara mereka, kalau pun tidak membantah apa yang mereka tuntutan daripada SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya).

"Rakyat ini sedang tidur walaupun mereka tidak lena. Mereka jarang peduli pada apa pun sehinggalah mereka merasakan tidur mereka terganggu. Dan Bersih 2.0 sebenarnya telah mula mengganggu tidur itu..." katanya.

Nada keras disuarakan blog **Pendita Kain**

**Singkat** ([penditakainsingkat.blogspot.com](http://penditakainsingkat.blogspot.com)) dengan berkata, rakyat di seluruh negara bukan sahaja sukar menerima taktik kotor para penghasut untuk menubuhkan kerajaan pilihan rakyat tetapi pada masa yang sama turut bangun bagi menghalang usaha tersebut.

Katanya, Yang di-Pertuan Agong adalah payung negara dan payung pelindung bagi rakyat segenap lapisan masyarakat dan institusi itu bukan untuk para penghasut jalanan yang sengaja mahu mengotorkan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

"Rakyat telah jelas bahawa himpunan yang akan diadakan pada 9 Julai ini ialah satu himpunan para penghasut untuk mencipta iklim dan meningkatkan kebencian serta menghakis kepercayaan awam terhadap SPR dan kerajaan pilihan rakyat.

"Roh demokrasi yang diperuntukkan dalam Perkara 10, Perlembagaan Malaysia dicemar dan ditafsir secara hina oleh para penghasut ini," katanya.

Bagaimanapun, tegas beliau, rakyat di seluruh negara tetap bersama kerajaan pilihan rakyat untuk berhadapan dengan gerombolan penghasut pakatan pembangkang dan mereka yang cuba merosakkan demokrasi di negara ini akan ditentang habis-habisan.

Blog **Pisau.net** ([www.pisau.net](http://www.pisau.net)) pula mendedahkan usaha pihak pakatan pembangkang yang cuba menggulingkan kerajaan secara rampasan kuasa selepas mendapati sokongan

rakyat terhadap mereka merosot teruk.

Katanya, perancangan mereka kini berjalan lancar dengan setiap penentangan usaha mereka digambarkan sebagai satu serangan terhadap parti-parti mereka manakala pemikiran dan persepsi digarap dengan baik iaitu menghancurkan keamanan negara bagi meruntuhkan sebuah kerajaan.

"Ini bertepatan dengan laporan sulit semasa pembentangan oleh mesyuarat pimpinan tertinggi pakatan bahawa sokongan terhadap pakatan menyusut begitu teruk. Malah dalam mesyuarat tersebut turut mengakui mereka pasti akan kehilangan beberapa negeri dan pasti akan gagal dalam PRU-13 untuk mengambil alih Putrajaya. Justeru persepsi palsu harus dimainkan kononnya mereka mendapat sokongan daripada rakyat.

"Umpan sudah mengena, himpunan yang kononnya mahu diadakan secara aman sebenarnya tak lebih daripada wayang. (Lim) Kit Siang pernah menyeru agar satu revolusi diadakan. Pemimpin khawarij Pas turut menyuarakan hal yang sama, malah Anwar (Ibrahim) turut menghasut anak-anak muda agar mengikut. Contoh rakyat Mesir berkumpul di medan Tahrir menjatuhkan kerajaan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, walaupun resipi revolusi garapan kuasa asing dijadikan panduan tetapi mereka terlupe bahawa selama ini rakyat memerhati tindak-tanduk mereka dan selama ini majoriti rakyat berdiam diri.

Mereka sudah terlupe seluruh rakyat Malaysia tidak mewakili suara mereka. Jangan sampai berlakunya pertembungan yang kita sendiri tidak mahu lihat seperti mana berlakunya di Iran," katanya.

Blog **Selangor Daily Dot Com** ([www.selangordaily.com](http://www.selangordaily.com)) berkata, tindakan awal pihak polis bagi membendung perhimpunan Bersih pada 9 Julai ini adalah pendekatan berbeza berbanding empat perhimpunan haram yang didalangi pembangkang sepanjang 2007 hingga 2010 lalu.

Katanya, pencegahan awal pihak polis kali ini menampakkan bahawa perhimpunan haram Bersih kali ini mempunyai anasir-anasir yang lebih berbahaya dan menggugat keselamatan negara dan orang awam.

"Mengikut maklumat yang kedengaran mengatakan ada sebuah kuasa asing yang berada di belakang Ambiga. Sebab itulah Ambiga mempunyai keberanian yang luar biasa.

"Difahamkan risikan polis dan tentera telah mengetahui perkara tersebut. Sebab itulah mereka akan halang perhimpunan tersebut diadakan kerana mahu menyekat campur tangan pihak asing dalam negara kita," katanya.

Katanya, empat perhimpunan haram sebelum ini iaitu perhimpunan Bersih pertama, perhimpunan anti-PPSMI, anti-ISA dan perhimpunan air Selangor tidak melibatkan campur tangan asing dan kerana itulah pihak polis tidak perlu bertindak lebih awal.

Sementara blog **The Flying Kick** ([theflyingkick.blogspot.com](http://theflyingkick.blogspot.com)) pula mendakwa terdapat usaha pihak-pihak tertentu dalam gabungan Bersih untuk membawa masuk senjata bagi melancarkan lagi perhimpunan tersebut.

Katanya, jika dakwaan itu benar jelaslah bahawa terdapat unsur subversif dalam perhimpunan Bersih selain penahanan beberapa aktivis PSM yang dipercayai cuba menghidupkan semula fahaman komunis.

Oleh kerana itulah, penganjur perhimpunan Bersih begitu yakin bahawa perhimpunan 9 Julai ini akan "berjaya" mengalahkan kerajaan yang dipilih rakyat manakala sebahagian besar pemimpin pakatan pembangkang yakin kerajaan akhirnya tunduk kerana Bersih akan menjadi seperti Medan Tahrir.

"Ketika pihak berkuasa mula memperhebatkan gerakan menangkap dan menghalang anggota-anggota Bersih, ternyata tidak ada sedikit pun ketakutan mahupun gentar daripada para pemimpin pakatan pembangkang. Bahkan mereka semakin berani mencabar pihak berkuasa.

"Kalau benarlah seperti yang dikhabarkan, pastinya (Bersih) sesuatu yang lebih besar selain demonstrasi semata-mata," katanya.

**Kelolaan LUKMAN ISMAIL**  
[lukman@utusan.com.my](mailto:lukman@utusan.com.my)